

25 AUG 1998

THAILAND-MATAWANG

DEWAN THAILAND MAHU MEKANISME PENGGUNAAN MATAWANG SENDIRI DIPERCEPAT

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Dewan Perhimpunan Nasional Thailand mahu pengujudan mekanisme standard bagi membolehkan penggunaan matawang sendiri terutamanya dalam perdagangan antara negara-negara Asean, dipercepatkan.

Penyegeraan usaha itu akan membantu langkah memulihkan kegawatan ekonomi yang melanda kebanyakan negara Asean, kata Presiden Dewan itu, Wanmuhammadnoor Matha, kepada Bernama hari ini.

Beliau mengetuai delegasi Thailand ke Mesyuarat Agung Pertubuhan Antara Parlimen Asean (AIPO) yang sedang diadakan di sini.

Wanmuhammadnoor berkata penggunaan matawang Asean akan membantu menstabilkan kedudukan matawang semua sembilan negara anggota pertubuhan serantau itu.

Beliau berkata cadangan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penggunaan matawang sendiri akan membantu mengurangkan pergantungan Asean terhadap matawang dolar Amerika.

Beliau menambah bahawa beliau tidak nampak kenapa negara-negara Asean harus terus menerus menggunakan dolar Amerika dalam perdagangan antara sesama Asean yang tidak melibatkan Amerika.

Wanmuhammadnoor juga bersetuju dengan pandangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disampaikan beliau semasa merasmikan mesyuarat itu semalam, bahawa kegawatan ekonomi Asia Timur dan Asean mungkin berpunca daripada sikap yang terlalu mempercayai kuasa luar sehingga ia dimanipulasikan.

"Kebebasan dan keterbukaan pasaran yang terlalu luas mungkin menjadi punca kegawatan sekarang. Kebanyakan negara di rantau ini mungkin belum cukup pengalaman dan masih kurang arif dengan pelbagai kaedah manipulasi pasaran, yang membawa kepada penjajahan bentuk baru melalui penguasaan ekonomi.

"Memang dalam perdagangan antarabangsa sekarang kita terpaksa membuka pasaran kita tetapi seluas mana?...dan adakah rakyat kita sendiri cukup bersedia dan berpengalaman?" katanya.

Wanmuhammadnoor berkata Thailand yang merupakan negara Asean pertama yang dilanda kegawatan, telah mengenal pasti bahawa dasarnya yang membuka luas sektor kewangan dan juga sektor perniagaannya mulai 1995 sebagai punca utama ekonomi negara itu terjejas teruk.

"Inilah punca utama krisis ekonomi Thailand iaitu sejak kita membenarkan keluar masuk wang ke negara kita dengan bebas, tanpa sekatan dan juga dengan membenarkan sesiapa sahaja membeli saham syarikat-syarikat tempatan," katanya.

Beliau berkata sebarang usaha meningkatkan lagi hubungan antara negara-negara Asean khususnya dalam bidang ekonomi dan perdagangan amat dialu-alukan dan akan diberi sokongan penuh oleh Thailand.

"Asean mempunyai banyak rancangan ke arah ini seperti pengujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), projek-projek bersama...kita tidak perlu menunggu untuk melaksanakan semua sekaligus tetapi boleh memulakannya satu per satu," tambahnya. -- BERNAMA

MNY JR